

07/08/2001

RM485 juta hasil produk ICT

Hizral Tazzif Hisham

MALAYSIA menjana perolehan RM485 juta hasil daripada eksport produk dan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tahun lalu dan mewujudkan 12,000 peluang pekerjaan hasil pelaburan 454 syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC).

Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corp Sdn Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata hasil inisiatif MSC Malaysia secara keseluruhannya menjual produk dan perkhidmatan ICT berjumlah RM2 bilion tahun lalu.

"MDC bercadang mewujudkan satu lagi aplikasi perdana iaitu ushawan tekno bagi melahirkan lebih banyak usahawan terutamanya syarikat dalam kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

"Ketika ini, ada 1,300 syarikat PKS di seluruh negara yang terbabit dalam industri ICT. Menerusi aplikasi perdana berkenaan ia dijangka menghasilkan 2,600 usahawan tekno pada 2005," katanya di Cyberjaya, semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bagi mengumumkan mesyuarat kali kelima Panel Penasihat Antarabangsa MSC yang dijangka berlangsung pada 6 hingga 8 September ini.

Seramai 21 ahli IAP sudah mengesahkan penyertaan mereka dalam pertemuan kali ini yang akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Othman Yeop berkata, secara amnya MSC sudah mencapai sasaran yang ditetapkan terutamanya daripada segi jumlah syarikat yang membentuk masyarakat perniagaan dalam industri ICT.

"Sehingga kini, sebanyak 541 syarikat sudah mendapat pengesahan status MSC yang mana 454 sudah beroperasi. Daripada jumlah itu 45 adalah syarikat ICT bertaraf dunia," katanya.

"Ini melebihi sasaran yang ditetapkan ketika MSC mula-mula ditubuhkan iaitu ia perlu mempunyai 500 syarikat berstatus MSC menjelang 2003 yang mana daripada jumlah itu 50 adalah syarikat ICT bertaraf dunia," katanya.

Beliau berkata, MDC mensasarkan untuk mendapatkan 750 syarikat berstatus MSC yang mana 70 adalah syarikat ICT bertaraf dunia menjelang 2003," katanya.

(END)